



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

KENYATAAN MEDIA

DBKL ANJUR SESI TOWNHALL BERSAMA KOMUNITI PELARI DAN PENGANJUR ACARA LARIAN

Aktiviti larian kini semakin berkembang sebagai satu budaya hidup sihat yang mendapat sambutan meluas dalam kalangan masyarakat, khususnya generasi muda. Perkembangan ini menunjukkan bahawa aktiviti rekreasi tidak lagi tertumpu di taman-taman awam atau kawasan perumahan semata-mata, malah turut memanfaatkan ruang awam dan laluan bandar yang lebih luas.

Sehubungan dengan itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada hari ini menganjurkan Sesi Townhall YB Hannah Yeoh, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) bersama pengurus-pengurus acara larian serta wakil kelab-kelab pelari dari Kuala Lumpur dan Lembah Klang bagi mendapatkan pandangan, maklum balas serta cadangan berkaitan pembangunan ekosistem aktiviti larian dan rekreasi di ibu negara. Turut hadir YBhg. Datuk Seri TPr Fadlun bin Mak Ujud, Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Sesi townhall ini menjadi platform penting untuk mendengar pandangan komuniti pelari mengenai pelbagai isu, cabaran dan keperluan yang dihadapi dalam melaksanakan aktiviti larian sama ada pada waktu siang mahupun malam. Sesi ini juga memberi ruang kepada peserta untuk mengemukakan cadangan dan maklum balas ke arah memperkukuh pembangunan ekosistem aktiviti larian dan rekreasi di Kuala Lumpur.

Perbincangan turut memberi tumpuan kepada beberapa aspek penting termasuk keselamatan laluan larian, kesesuaian serta kebolehcapaian kemudahan untuk komuniti pelari, keberkesanan penganjuran acara-acara



larian di Kuala Lumpur serta cadangan penambahbaikan terhadap infrastruktur dan kemudahan awam yang menyokong gaya hidup aktif.

Penganjuran sesi ini turut mencerminkan usaha berterusan untuk menghidupkan ruang awam melalui aktiviti sihat dan berimpak positif yang mampu memperkukuh interaksi sosial, meningkatkan kesejahteraan komuniti serta menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya yang lebih mesra rekreasi dan aktif.

Selain itu, program KL Car Free Morning pada setiap hari Ahad yang merupakan salah satu produk utama DBKL dilihat sebagai platform yang berkesan dalam menggalakkan penyertaan masyarakat dalam aktiviti riadah dan gaya hidup sihat, di samping mengoptimumkan penggunaan ruang awam secara lebih inklusif.

Komitmen berterusan daripada semua pihak diyakini mampu menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya yang lebih sihat, selamat, aktif dan berdaya huni selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Unit Media
Jabatan Perancangan Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
13 Jun 2026
e-mel: akhbar@dbkl.gov.my

